PRUDENTIAL BSN TAKAFUL

# TAKAFULINK
# DANA EKUITI GLOBAL

## HELAIAN FAKTA DANA UTAMA 2019

# TAKAFUL & KAMI

Takaful secara harfiah bermaksud tanggungjawab, jaminan, jaminan kolektif dan usaha bersama. Secara umum, takaful diasaskan pada pengaturan kerjasama (ta`awun) berdasarkan prinsip-prinsip bersama dan solidariti, merangkumi unsur-unsur indemniti dan kepentingan bersama. Takaful ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang bermaksud perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Bergantung pada model takaful yang diluluskan, caruman peserta akan disalurkan ke dana berasingan untuk pelaburan. Dana-dana* kami hanya dilaburkan di dalam pelaburan patuh Syariah, di dalam dan luar negara. Setiap pelaburan dibuat selepas mengambil kira risiko dan pulangan yang terlibat.

Di Prudential BSN Takaful (PruBSN), kami mendukung nilai-nilai ini melalui amalan profesional yang dapat menyediakan segala yang diperlukan oleh peserta-peserta kami. Nilai-nilai ini amat jelas dalam setiap transaksi kami. Nilai-nilai inilah yang menjadikan kami pilihan berhemat.

Melalui rangkaian agensi dan rakan niaga, kami menyediakan pelbagai produk inovatif yang melindungi anda dalam setiap aspek kehidupan anda. Daripada perlindungan ke simpanan hingga keperluan kerohanian anda, setiap produk kami dicipta bagi memberikan ketenangan minda untuk anda.

**Dana-dana Takafulink adalah instrumen pelaburan patuh Syariah.*

# TAKAFULINK DANA EKUITI GLOBAL

| Ciri-ciri Dana | |
|---|---|
| Objektif Pelaburan | Takafulink Dana Ekuiti Global (Dana) bertujuan untuk menyediakan peningkatan nilai modal dengan melabur dalam sekuriti patuh Syariah melalui pendedahan terhadap pasaran ekuiti global. |
| Strategi Pelaburan & Pendekatan | Dana bertujuan untuk mencapai objektif dengan melabur dalam sebuah skim pelaburan kolektif Islam (Dana Sasaran) yang bertujuan untuk mencapai peningkatan modal dalam jangka masa panjang dengan melabur dalam portfolio antarabangsa ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah dengan syarikat yang mempunyai potensi perkembangan yang baik.<br><br>Dana Sasaran akan dipantau untuk menilai prestasi, proses, kaedah dan kedudukan. Peruntukan, atau Dana Sasaran mungkin berubah jika dianggap tidak sesuai untuk memenuhi objektif Dana.<br><br>*Nota: Rujuk kepada pendedahan tambahan untuk butiran Dana Sasaran.* |
| Peruntukan Aset | • Sehingga 100% Nilai Aset Bersih (NAV) Dana dalam Dana Sasaran; dan<br>• Baki NAV Dana yang tidak dilaburkan di dalam Dana Sasaran akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam. |
| Tanda Aras Prestasi | Indeks MSCI ACWI Islam (Syariah). |
| Pengurus Dana | Prudential BSN Takaful Berhad (200901017585 (860682-K)) |

| Yuran & Caj | |
|---|---|
| Caj Wakalah Pengurusan Aset | 1.5% setahun |
| Caj Lain, jika ada | TIADA |

# TAKAFULINK DANA EKUITI GLOBAL

## Pendedahan tambahan untuk Takafulink Dana Ekuiti Global

Takafulink Dana Ekuiti Global dilaburkan di dalam Aberdeen Standard Islamic World Equity Fund, yang diurus oleh Aberdeen Standard Islamic Investments (Malaysia) Sdn. Bhd. (Pengurus Dana Sasaran).

Sila ambil perhatian bahawa anda hanya akan dikenakan caj 1.5%, caj wakalah pengurusan aset tahunan di peringkat Dana. Anda tidak akan dikenakan caj wakalah pengurusan aset tahunan di peringkat Dana Sasaran.

## Prestasi Dana

| Tahun | Takafulink Dana Ekuiti Global | Tanda Aras^^ |
|---|---|---|
| 2019 | 6.75% | 6.34% |

**Takafulink Dana Ekuiti Global dilancarkan pada 8 Julai 2019. Prestasi dana adalah dari tarikh pelancaran dana sehingga akhir tahun bagi tahun yang sama (pulangan bukan tahunan).*

*^^Indeks MSCI ACWI Islam (Syariah).*

Prestasi Dana untuk Dana Sasaran, Aberdeen Standard Islamic World Equity pada 31 Disember 2019 seperti berikut:

| Tahun | 2019 | 2018 | 2017 | 2016 | 2015 | 2014 | 2013 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Prestasi Bersih (%) | 23.80 | (10.62) | 7.39 | 9.51 | 6.10 | 8.25 | 17.27^ |

*^Prestasi dana adalah dari tarikh pelancaran dana sehingga akhir tahun bagi tahun yang sama (pulangan bukan tahunan).*

Prestasi dikira pada NAV# tahun n-1 hingga NAV# tahun asas n dengan pendapatan kasar atau dividen yang dilaburkan semula.

*#NAV disini merujuk kepada Nilai Aset Bersih Aberdeen Standard Islamic World Equity Fund.*

**Untuk maklumat lanjut berkenaan Dana Sasaran, sila rujuk http://www.aberdeenstandard.my**

**Asas pengiraan prestasi sebelumnya:**

$$= \frac{\text{NAV* untuk tahun n}}{\text{NAV* untuk tahun n-1}} \% - 100\%$$

**NAV di sini merujuk pada Nilai Aset Bersih Dana.*

***Nota Penting: Prestasi lampau Dana bukan satu petunjuk untuk prestasi masa hadapan. Ini adalah prestasi untuk dana pelaburan semata-mata dan bukan pulangan yang diperolehi daripada sumbangan sebenar yang dibayar untuk produk takaful berkaitan pelaburan.***

# TAKAFULINK DANA EKUITI GLOBAL

## Harga Hadapan

Unit diwujudkan dan dibatalkan pada tarikh penentuan harga berikutnya selepas penerimaan sumbangan atau pemberitahuan tuntutan masing-masing.

## Faktor Risiko

**Sila rujuk kepada butiran Faktor Risiko yang dinyatakan di bawah:**

- **Risiko Pasaran**

  Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang mungkin timbul daripada perubahan ketara dalam suasana pasaran. Secara umumnya keadaan pasaran dipengaruhi oleh, antara lain, kestabilan ekonomi dan politik. Sekiranya pasaran di mana Dana dilaburkan mengalami kemerosotan atau ketidakstabilan akibat keadaan ekonomi atau politik yang bergolak, ia boleh memberi impak kepada harga pasaran pelaburan Dana.

- **Risiko Kecairan**

  Risiko kecairan merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana sekuriti patuh Syariah tidak dapat dijual kerana ketiadaan pembeli untuk pelaburan tersebut. Senario kedua pula adalah di mana pelaburan tersebut kurang didagangkan. Ia boleh menyebabkan Dana melupuskan pelaburan tersebut di pasaran pada harga yang tidak memberangsangkan dan memberi kesan buruk pada pelaburan yang dibuat oleh pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui prosoes pemilihan sekuriti patuh Syariah yang teliti.

- **Risiko Sekuriti**

  Harga sekuriti patuh Syariah tertentu boleh berubah mengikut keadaan yang menjejaskan syarikat-syarikat. Sebarang pergerakan ketara dalam harga sesuatu sekuriti patuh Syariah yang dilaburkan oleh Dana boleh menjejaskan NAV Dana. Pengurus Dana Sasaran akan berusaha untuk mengurangkan kesan risiko sekuriti patuh Syariah berkenaan dengan mempelbagaikan sekuriti dalam portfolio.

- **Risiko Ketidakpatuhan**

  Ketidakpatuhan kepada undang-undang, peraturan, syarat, resolusi Syariah, dasar dan prosedur dalaman boleh mengakibatkan pengawasan peraturan, reputasi terancam dan mengurangkan potensi pengembangan Dana. Matlamat pelaburan juga mungkin terjejas, sekiranya Pengurus Dana tidak mematuhi mandat pelaburan. Untuk mengurangkan risiko ini, Pengurus Dana mempunyai kawalan dalaman yang ketat dan memastikan pematuhan berterusan dengan undang-undang, peraturan, syarat, resolusi Syariah, amalan yang dinyatakan dan polisi dalaman serta prosedur yang ditetapkan oleh Pengurus Dana.

## Faktor Risiko

- **Risiko Syarikat Pengurusan**

  Ini adalah risiko Pengurus Dana atas kesilapan yang tidak disengajakan, ketidakpatuhan terhadap mandat Dana berkaitan pelaburan. Risiko ini boleh dikurangkan oleh Pengurus Dana menggunakan cara berikut:

  – Pemantauan oleh jawatankuasa pelaburan;

  – Pemantauan had pelaburan dan sekatan melalui sistem pentadbiran yang digunakan oleh Pengurus Dana dan peniaga untuk menjalankan dagangan disamping mempunyai keupayaan untuk memantau pelbagai peraturan dan keperluan dalaman seperti pelanggaran pelaburan; dan

  – Pelaporan risiko operasi dan pelaburan berkala kepada pihak pengurusan kanan.

- **Risiko Pihak Bertentangan**

  Dana akan terdedah kepada risiko kredit pihak bertentangan yang menjadi rakan dagang Dana. Dana mungkin meletakkan deposit Islam dan melabur dalam instrumen pasaran wang Islam. Sekiranya pihak bertentangan tidak dapat memenuhi tanggungjawabnya terutama jika berlaku kemuflisan, ia boleh menyebabkan kerugian kepada Dana. Risiko boleh dikurangkan melalui pelaksanaan penilaian kredit ke atas pihak bertentangan untuk menentukan kelayakan penarafan kredit mereka.

- **Risiko Mata Wang**

  Dana ini akan melabur dalam pasaran asing, oleh itu, pelaburan akan didenominasikan dalam mata wang asing. Oleh kerana Dana didenominasikan dalam Ringgit Malaysia, pelaburan dalam mata wang asing akan menyebabkan Dana terdedah kepada risiko mata wang. Kesan dari kadar pertukaran di antara dana mata wang asas dan mata wang pelaburan boleh mengakibatkan susut nilai terhadap pelaburan seperti yang dinyatakan dalam mata wang asas Dana. Dana ini tidak berhasrat untuk terlibat dalam mana-mana perlindungan nilai mata wang untuk mengurangkan risiko mata wang.

- **Risiko Pengurusan Dana Sasaran**

  Walaupun Pengurus Dana akan menggunakan kemahiran dan ketelitian untuk memilih Dana Sasaran, ia tidak mempunyai kawalan ke atas pengurusan Dana Sasaran dan tiada jaminan bahawa objektif pelaburan akan dicapai. Ini boleh mengakibatkan pelabur mengalami kerugian bagi pelaburan mereka di dalam Dana.

  Dana Sasaran mungkin mengubah objektifnya dan menjadi tidak selaras dengan objektif Dana. Dalam keadaan tersebut, Pengurus Dana akan menggantikan Dana Sasaran tersebut dengan dana pelaburan kolektif Islam lain yang dianggap lebih sesuai oleh Pengurus Dana untuk memenuhi objektif Dana. Pemegang unit akan diberitahu mengenai pertukaran tersebut.

## Faktor Risiko

- **Risiko Pengkelasan Semula Status Syariah**

  Ini adalah risiko di mana sekuriti ekuiti patuh Syariah yang sedang dipegang dalam Dana Sasaran mungkin dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah selepas semakan berkala sekuriti oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti atau Penasihat Syariah. Jika ia berlaku, Pengurus Dana Sasaran akan mengambil langkah yang sewajarnya untuk melupuskan sekuriti tersebut.

  Kehilangan peluang boleh berlaku disebabkan oleh sekatan ke atas Dana Sasaran untuk mengekalkan lebihan keuntungan modal yang diperolehi daripada pelupusan sekuriti yang dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah. Dalam keadaan ini, Dana Sasaran dikehendaki:

  (i) untuk melupuskan sekuriti tersebut dengan kadar segera atau dalam tempoh satu (1) bulan kalendar jika nilai sekuriti tersebut melebihi atau bersamaan dengan kos pelaburan pada tarikh kuat kuasa pengkelasan semula Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti atau Penasihat Syariah. Dana Sasaran dibenarkan untuk menyimpan dividen yang diterima dan keuntungan modal daripada pelupusan sekuriti sehingga pada tarikh kuat kuasa pengkelasan semula. Bagaimanapun, sebarang dividen yang diterima dan lebihan keuntungan modal daripada pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah selepas tarikh kuat kuasa pengkelasan semula hendaklah disalurkan ke baitulmal dan/atau badan kebajikan yang diluluskan;

  (ii) untuk menyimpan sekuriti tersebut jika nilai sekuriti tersebut berada di bawah kos pelaburan pada tarikh kuat kuasa pengkelasan semula sehingga jumlah dividen seterusnya diterima (jika ada) dan harga pasaran bagi sekuriti tersebut adalah bersamaan dengan kos pelaburan di mana pelupusan hendaklah dilakukan dalam tempoh satu (1) bulan kalendar, untung modal (jika ada) daripada pelupusan sekuriti tersebut hendaklah disalurkan ke baitulmal dan/atau badan kebajikan yang diluluskan; atau

  (iii) untuk melupuskan sekuriti tersebut pada harga yang lebih rendah daripada kos pelaburan yang akan menyebabkan nilai Dana Sasaran berkurangan.

## Faktor Risiko

- **Risiko Inflasi**

  Risiko ini merujuk kepada risiko di mana pelaburan dalam Dana mungkin tidak berkembang atau tidak menjana pendapatan yang seiring dengan inflasi, sekaligus menyebabkan pengurangan kuasa pembelian pelabur walaupun dari sudut kewangan, pelaburan tersebut telah meningkat.

- **Risiko Tumpuan**

  Risiko ini merujuk kepada risiko bahawa Dana Sasaran melaburkan sebahagian besar asetnya dalam sektor tertentu atau kawasan geografi yang boleh menyebabkan Dana lebih mudah terdedah kepada keadaan ekonomi yang teruk memberi kesan terhadap industri atau rantau tertentu. Risiko ini dikurangkan melalui proses kepelbagaian yang dilaksanakan oleh Pengurus Dana Sasaran dalam pengurusan Dana Sasaran di mana Dana ini akan memegang portfolio kepelbagaian ekuiti patuh Syariah di pelbagai sektor dan negara.

- **Risiko Negara**

  Dana ini mungkin terjejas oleh risiko khusus kepada negara-negara di mana Dana Sasaran dilaburkan. Risiko tersebut mungkin disebabkan oleh tetapi tidak terhad kepada perubahan dalam setiap asas ekonomi negara, kestabilan sosial dan politik, perubahan matawang dan polisi pelaburan asing. Faktor-faktor ini boleh memberi kesan kepada nilai pelaburan Dana di negara itu dan seterusnya boleh menjejaskan NAV Dana.

  Pelaburan dalam pasaran tertentu boleh dihadkan atau dikawal. Di sesetengah negara, pelaburan langsung dalam sekuriti patuh Syariah mungkin dilarang dan disekat kerana kehendak undang-undang. Kekurangan ini boleh meningkatkan kos urus niaga dan menjejaskan kecairan dan harga sekuriti patuh Syariah berkenaan.

  Pengurus Dana akan sentiasa memantau dan memerhati perkembangan di negara-negara di mana aset Dana Sasaran dilaburkan. Di samping itu, Pengurus Dana Sasaran akan menggunakan proses pelaburan yang bersistematik, termasuk kajian yang kerap, untuk mengurus dan mengurangkan risiko ini.

## Faktor Risiko

- **Risiko Pasaran Baru dan Membangun**

  Dalam pasaran baru dan membangun, infrastruktur perundangan, kehakiman dan pengawalseliaan masih berkembang dan terdapat banyak ketidakpastian undang-undang bagi peserta pasaran tempatan dan pihak luar negara. Oleh kerana pasaran baru dan membangun membawa risiko ketara kepada Dana, sebelum melabur dalam Dana, mereka harus memahami risiko yang berkaitan dan berpuas hati bahawa pelaburan dalam Dana adalah sesuai.

  Kenyataan berikut bertujuan untuk merumuskan beberapa risiko di pasaran baru dan membangun, tetapi tidak menyeluruh, ataupun nasihat mengenai kesesuaian pelaburan.

  *Risiko Politik dan Ekonomi*

  – Ketidakstabilan ekonomi dan/atau politik boleh membawa kepada perubahan undang-undang, fiskal dan pengawalseliaan atau pembalikan pembaharuan undang-undang, fiskal, pengawalseliaan atau pembaharuan pasaran. Aset Dana Sasaran boleh diperoleh secara paksa tanpa pampasan yang mencukupi.

  – Kedudukan hutang luar negeri negara boleh menyebabkan pengenaan cukai atau kawalan tukaran secara tiba-tiba.

  – Inflasi yang tinggi boleh membawa maksud bahawa perniagaan mengalami kesukaran mendapatkan modal kerja.

  – Pengurusan syarikat dalam pasaran yang sedang berkembang dan membangun kebiasaannya tidak berpengalaman dalam mengendalikan syarikat dalam keadaan pasaran bebas.

  – Negara mungkin terlalu bergantung kepada komoditi dan sumber eksport dan oleh itu terdedah kepada kelemahan harga dunia untuk produk ini. Perlu diingat bahawa Dana Sasaran tidak akan melabur secara langsung ke dalam komoditi.

  *Persekitaran Undang-undang*

  – Tafsiran dan aplikasi dekri dan akta perundangan boleh bercanggah dan tidak menentu terutamanya berkenaan dengan perkara yang berkaitan dengan cukai.

  – Perundangan boleh dikenakan secara retrospektif atau boleh dikeluarkan dalam bentuk peraturan dalaman yang mungkin orang ramai tidak peka.

  – Kehakiman bebas dan politik berkecuali tidak dapat dijamin.

  – Badan dan hakim negara mungkin tidak mematuhi kehendak undang-undang dan kontrak yang relevan.

## Faktor Risiko

- Tidak ada kepastian bahawa para peserta Dana ini akan dibayar secara penuh atau sebahagian untuk sebarang kerosakan yang ditanggung atau kerugian yang dialami oleh Dana Sasaran akibat daripada perundangan yang dikenakan atau keputusan badan atau hakim negara.
- Pengurus Dana Sasaran mungkin perlu mendapatkan permit, lesen atau kelulusan tertentu untuk melabur di negara-negara seperti Brazil, China, India, Korea Selatan dan Taiwan. Jika permit, lesen atau kelulusan tersebut dibatalkan, Pengurus Dana Sasaran mungkin perlu mencairkan pegangan mereka di bursa saham negara-negara tersebut dalam tempoh yang ditetapkan. Pembubaran ini mungkin dilakukan dengan kerugian yang seterusnya mempengaruhi nilai Dana.

*Amalan Perakaunan*

- Sistem perakaunan dan audit mungkin tidak sesuai dengan piawaian antarabangsa.
- Walaupun laporan telah dibuat sejajar dengan piawaian antarabangsa, ia mungkin tidak selalu mengandungi maklumat yang betul.
- Kewajipan syarikat untuk menerbitkan maklumat kewangan juga mungkin terhad.

*Risiko Pemegang Saham*

- Perundangan sedia ada mungkin belum dikembangkan secukupnya untuk melindungi hak pemegang saham minoriti seperti Dana Sasaran yang dilabur dalam saham syarikat dalam pasaran yang sedang berkembang dan membangun.
- Pada umumnya tidak terdapat konsep kewajipan fidusiari kepada para pemegang saham di pihak pengurusan syarikat.
- Mungkin terdapat bantuan yang terhad dalam pelanggaran melanggar hak pemegang saham yang bersesuaian.

*Risiko Pasaran dan Penyelesaian*

- Sekuriti pasaran baru dan membangun yang dilabur oleh Dana Sasaran mungkin kekurang penyeliaan di dalam kecairan, kecekapan, pengawalseliaan dan kawalan penyeliaan berbanding pasaran yang lebih maju.
- Kekurangan kecairan boleh menjejaskan nilai atau kemudahan pelupusan aset Dana Sasaran.
- Daftar saham mungkin tidak diselenggarakan dengan baik dan kepentingan pemilikan mungkin tidak boleh atau kekal dilindungi sepenuhnya.
- Pendaftaran sekuriti di pasaran baru dan membangun mungkin tertunda dan semasa tempoh kelewatan mungkin sukar untuk membuktikan pemilik benefisial sekuriti.

## Faktor Risiko

- Peruntukan untuk penjagaan aset Dana Sasaran mungkin kurang maju daripada pasaran lain yang lebih matang dan dengan itu mendedahkan tahap risiko tambahan terhadap Dana.

*Pergerakan dan Prestasi Harga*

- Faktor-faktor yang mempengaruhi nilai ekuiti patuh Syariah di kebanyakan pasaran tidak mudah ditentukan.
- Pelaburan dalam ekuiti patuh Syariah dalam pasaran baru dan membangun membawa tahap risiko yang tinggi dan nilai pelaburan sedemikian boleh menurun atau mengurang sehingga sifar.

*Risiko Mata Wang*

- Penukaran mata wang asing atau pemindahan hasil dari pasaran yang baru dan membangun yang diterima daripada penjualan sekuriti patuh Syariah tidak dapat dijamin.
- Nilai mata wang dalam pasaran yang baru dan membangun, berkaitan dengan mata wang lain, mungkin merosot sehingga nilai pelaburan terjejas teruk.
- Kadar pertukaran berubah-ubah juga boleh berlaku di antara tarikh transaksi urus niaga dan tarikh mata wang diperoleh untuk memenuhi kewajipan penyelesaian. Transaksi mata wang asing biasanya didagangkan pada hari yang sama atau Hari Perniagaan yang akan datang.

*Nota: Penulisan ini berkaitan dengan risiko mata wang adalah khusus untuk pelaburan Dana Sasaran dalam pasaran baru dan membangun sahaja.*

*Percukaian*

Para peserta harus mengambil perhatian terutamanya bahawa hasil dari penjualan sekuriti patuh Syariah di kebanyakan pasaran atau penerimaan apa-apa dividen atau pendapatan lain oleh Dana Sasaran mungkin tertakluk atau tidak kepada cukai, levi, duti atau lain-lain yuran atau caj yang dikenakan oleh pihak berkuasa di pasaran itu, termasuk cukai yang dikenakan oleh pemotongan pada sumbernya. Undang-undang dan amalan cukai di negara-negara tertentu yang mana Dana Sasaran melabur atau mungkin melabur di masa depan (khususnya pasaran baru dan membangun) tidak diperlihatkan dengan jelas. Adalah mungkin bahawa tafsiran semasa berkenaan undang-undang atau pemahaman amalan mungkin berubah, atau undang-undang itu boleh diubah dengan kesan retrospektif. Adalah juga mungkin bahawa Dana Sasaran boleh tertakluk kepada cukai tambahan di negara-negara seperti yang tidak dijangka pada tarikh Helaian fakta dana utama ini atau apabila pelaburan dibuat, dihargai atau dilupuskan.

## Faktor Risiko

*Risiko Pihak Bertentangan dan Perlaksanaan*

Di sesetengah pasaran, mungkin tidak terdapat kaedah pengantaran yang selamat terhadap pembayaran yang akan mengelakkan pendedahan kepada risiko pihak bertentangan. Ia mungkin perlu membuat pembayaran atas pembelian atau penghantaran pada jualan sebelum penerimaan sekuriti patuh Syariah atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, jualan diteruskan.

Memandangkan risiko yang disebut terdahulu dalam pasaran baru dan membangun, yang mungkin tidak menyeluruh, jika Dana Sasaran melabur dalam pasaran yang baru dan membangun, pelaburan Dana ini mungkin terdedah kepada ketidakpastian dan ketidaktentuan yang lebih tinggi berbanding melabur dalam maju pasaran; pendedahan tersebut kemudian akan mendedahkan Dana kepada risiko lebih tinggi berbanding dengan dana yang dilabur di pasaran maju.

*Nota: Perkara di atas tidak harus dianggap sebagai senarai lengkap risiko yang harus dipertimbangkan pelabur sebelum melabur dalam Dana. Pelabur perlu sedar bahawa pelaburan dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko lain dari semasa ke semasa. Pelabur harus berunding dengan penasihat profesional untuk memahami dengan lebih baik berkenaan risiko.*

## Strategi Pengurusan Risiko

Strategi pengurusan risiko yang digunapakai oleh Pengurus Dana termasuk yang berikut:

- Memantau keadaan pasaran dan ekonomi;
- Memantau kepatuhan objektif dan sekatan serta batasan bagi Dana;
- Memantau prestasi Dana;
- Mengambil posisi defensif sementara, apabila perlu; dan
- Menyalur dan melaporkan hal pelaburan kepada jawatankuasa pelaburan, pasukan pengurusan kanan, jawatankuasa audit, jawatankuasa Syariah dan lembaga pengarah.

| Maklumat Lain | |
|---|---|
| Pasaran Sasaran | Peserta yang mempunyai toleransi risiko tinggi dan tempoh pelaburan jangka masa panjang dan inginkan pendedahan pelaburan terhadap pasaran ekuiti global. |
| Dasar & Kekerapan Penilaian Unit | • Penentuan harga unit dilakukan setiap hari.<br>• Harga unit dikira berdasarkan pada nilai pasaran aset-aset yang berkaitan bagi Dana, dibahagikan dengan bilangan unit yang dikeluarkan.<br>• Dana Takafulink tidak membayar sebarang dividen. Semua pendapatan dan keuntungan modal adalah diambil kira secara automatik ke dalam harga unitnya.<br>• Harga unit ialah harga tunggal di mana unit diwujudkan dan dibatalkan.<br>• Harga unit Dana dinilai pada penutupan setiap hari perniagaan (Tarikh Penilaian). Walau bagaimanapun, disebabkan nilai pelaburan Dana pada penutupan Tarikh Penilaian tertentu hanya akan diketahui pada hari perniagaan berikutnya, penentuan harga unit Dana berkenaan dengan Tarikh Penilaian tertentu hanya akan diterbitkan dan dimaklumkan pada 2 hari perniagaan berikutnya (T + 2). |
| Keadaan Dikecualikan | • PruBSN boleh menangguhkan penentuan harga unit dan menangguhkan pengeluaran atau penebusan unit, atau bertukar kepada mana-mana dana, di bawah Dana ini untuk tempoh yang munasabah dalam keadaan di luar jangkaan, seperti dan termasuk peristiwa campur tangan yang mengakibatkan penutupan sementara mana-mana bursa saham atau penggantungan saham tertentu di mana Dana dilaburkan. Dalam keadaan sedemikian, notis penggantungan mungkin diterbitkan dan mungkin diberitahu kepada Peserta atas permintaan untuk penambahan, pertukaran, penebusan atau pengeluaran kepada / dari mana-mana dana Takafulink tersebut.<br>• PruBSN boleh menggantung penentuan harga unit dan transaksi sijil jika Pengurus Dana Sasaran menggantung langganan Dana Sasaran tersebut. |

# TAKAFULINK DANA EKUITI GLOBAL

## Maklumat Mengenai Dana Sasaran

**Dana Aberdeen Standard Islamic World Equity**

**Strategi Pelaburan**

Dana Sasaran bertujuan mencapai matlamatnya dengan melabur dalam portfolio ekuiti antarabangsa patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti dengan potensi pertumbuhan yang baik. Negara-negara yang akan dilaburkan oleh Dana Sasaran ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada Kanada, Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, Jerman, Itali, Belanda, Sweden, Switzerland, Jepun, Australia, China, Hong Kong, Korea Selatan, Singapura, Taiwan, Brazil dan Mexico.

Dana Sasaran akan melabur 90% - 100% daripada NAV dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti. Baki NAV Dana Sasaran yang tidak dilaburkan dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti akan dilaburkan dalam aset cair Islam dan/atau dipegang secara tunai. Pengurus Dana Sasaran dan pengurus pelaburan luaran Dana Sasaran bertujuan untuk mengenal pasti syarikat ekuiti patuh Syariah yang menawarkan prospek pertumbuhan yang baik. Pemilihan ekuiti patuh Syariah akan berdasarkan pendekatan "bottom-up" yang difokuskan terutamanya dalam memilih syarikat berkualiti tinggi, berdagang pada penilaian menarik berbanding saingan mereka dengan menggunakan analisis perniagaan yang teliti dan analisis penilaian keselamatan terperinci.

Pengurus Dana Sasaran dan pengurus pelaburan luaran Dana Sasaran akan memilih portfolio patuh Syariah berdasarkan teknik penilaian asas dari pelbagai sektor yang dijangka menawarkan potensi pertumbuhan jangka panjang melalui penyelidikan sendiri yang dilakukan oleh pasukan pelaburan profesional Aberdeen yang terletak di Bangkok, Hong Kong, London, Kuala Lumpur, Philadelphia, São Paulo, Singapura, Sydney dan Tokyo. Pasukan ini bertanggungjawab untuk lawatan syarikat dan menghasilkan nota lawatan bertulis untuk semua syarikat yang dilawati.

## Maklumat Mengenai Dana Sasaran

Pengurus Dana Sasaran dan pengurus pelaburan luaran Dana Sasaran tidak akan melabur dalam syarikat sebelum mereka bertemu dengan pengurusan syarikat sekurang-kurangnya sekali. Pengurus Dana Sasaran dan pengurus pelaburan luaran Dana Sasaran akan membuat kajian terhadap syarikat-syarikat dari kumpulan ini secara global dalam membina portfolio ekuiti global patuh Syariah. Pengurus Dana Sasaran dan pengurus pelaburan luaran Dana Sasaran secara amnya akan melihat kepada syarikat;

a) aliran tunai yang kukuh (syarikat-syarikat yang menjana wang tunai yang mencukupi untuk membiayai operasinya);

b) kunci kira-kira yang kukuh (syarikat-syarikat yang mempunyai wang tunai pada buku mereka untuk membolehkan mereka menghadapi cabaran dalam perniagaan dan yang mengamalkan pengurusan modal berstruktur yang wajar);

c) prinsip tadbir urus korporat yang baik (syarikat dengan lembaga pengarah bebas, syarikat yang melindungi hak pemegang saham minoriti dan syarikat yang mempunyai pasukan pengurusan dengan rekod tadbir urus korporat yang baik dalam mengembangkan perniagaan); dan

d) model perniagaan yang kukuh (syarikat yang menjalankan perniagaan yang mudah difahami).

Dana Sasaran akan terus dilaburkan dalam ekuiti patuh Syariah pada setiap masa, kerana falsafah pelaburan bawah ke atas Pengurus Dana Sasaran dan pengurus pelaburan luaran Dana Sasaran akan memberi tumpuan kepada pemilihan saham. Kekerapan perdagangan akan mencerminkan peluang pasaran yang dikemukakan, terutamanya pada masa perubahan pasaran tinggi. Oleh itu, sementara Pengurus Sasaran dan pengurus pelaburan luaran Dana Sasaran menggunakan strategi aktif, Pengurus Dana Sasaran dan pengurus pelaburan luaran Dana Sasaran tidak menggunakan strategi dagangan yang kerap untuk mencapai objektif Dana. Sebaliknya, Pengurus Dana Sasaran dan pengurus pelaburan luaran Dana Sasaran akan memilih ekuiti patuh Syariah dengan prospek jangka panjang yang baik, kunci kira-kira yang kukuh, aliran tunai yang mantap dan amalan tadbir urus korporat yang kukuh. Pengurus Dana Sasaran dan pengurus pelaburan luaran Dana Sasaran akan memilih portfolio saham pelbagai yang kukuh dengan matlamat peningkatan modal dalam jangka masa panjang.

Penafian:
Helaian fakta dana utama ini disediakan oleh Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) untuk maklumat am dan tujuan ilustrasi sahaja dan tidak sepatutnya dijadikan asas untuk membuat keputusan pelaburan, kewangan atau keputusan-keputusan lain. Walaupun bahan-bahan yang digunakan dalam penyediaan profil dana ini diperolehi daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai, PruBSN tidak menjamin ketepatan dan kesempurnaan maklumat. Sebarang analisis dan pendapat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Prestasi masa lalu tidak menjamin keputusan masa hadapan. Para pembaca dinasihatkan untuk menghubungi PruBSN atau ejen-ejennya untuk butiran lanjut dan penjelasan maklumat yang berkaitan dengan produk yang ditawarkan oleh kami. PruBSN dan mana-mana syarikatnya yang berkaitan menafikan sebarang liabiliti walau apa pun sifatnya, sekiranya para pembaca mengalami kerugian apabila mereka hanya bergantung kepada kandungan maklumat di dalam profil dana ini.

PRUDENTIAL BSN
TAKAFUL

TAKAFUL
Untuk Semua. Untuk Kehidupan

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.


**Prudential BSN Takaful Berhad (200601020898)**
Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.
Peti Surat 10073, 50704 Kuala Lumpur.

Talian Umum: +603 2778 3888
Talian Khidmat Pelanggan: +603 2053 7188
E-mel: customer@prubsn.com.my

**www.prubsn.com.my**


*Semua maklumat dianggap sah dan relevan pada tarikh percetakan.*
*Dicetak pada 16 April 2020*